


4. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul. **TP 3**



- Sebelum pembentukan Majlis Raja-raja, persidangan dalam kalangan Raja-raja Melayu dikenali sebagai _____.
- Majlis Raja-raja dianggotai oleh _____ orang Raja-raja Melayu dan empat orang _____.
- Tugas terpenting Majlis Raja-raja Melayu ialah memilih Yang di-Pertuan Agong melalui proses _____.
- Urusan Majlis Raja-raja akan dikendalikan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar _____.
- Sebelum pemilihan Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-raja akan memperkenankan tarikh _____.
- Proses pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilaksanakan secara _____.

5. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul berkenaan istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong dan (X) pada yang salah. **TP 4** **KBAT** Menganalisis

- Upacara pertabalan Yang di-Pertuan Agong diadakan di Istana Negara. ☐
- Sebelum memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong, baginda dikehendaki melafazkan sumpah selepas dipilih oleh rakyat. ☐
- Watakah Pengisytiharan Yang di-Pertuan Agong akan dibacakan oleh Perdana Menteri pada majlis istiadat pertabalan. ☐
- Yang di-Pertuan Agong akan mengucup Pending Diraja sebagai Ketua Utama Negara pada majlis istiadat pertabalan. ☐
- Upacara istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong akan diakhiri dengan lafaz ikrar oleh baginda Yang di-Pertuan Agong. ☐
- Sebelum majlis pertabalan, Yang di-Pertuan Agong perlu menandatangani surat sumpah memegang jawatan. ☐